

# Pembangunan perlu tepati keperluan rakyat - PM

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI

zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Kerajaan Persekutuan sentiasa mendengar pandangan serta teguran kerajaan negeri bagi memastikan setiap perancangan pembangunan benar-benar menepati keperluan rakyat di peringkat akar umbi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pendekatan baharu itu menandakan perubahan besar dalam cara kerajaan merangka pembangunan negara yang kini tidak lagi bergantung kepada andaian Pusat semata-mata.

Katanya, kerjasama erat antara kerajaan Persekutuan dan pentadbiran negeri membolehkan pelan pembangunan disesuaikan dengan realiti sebenar di tiap-tiap negeri termasuk Johor yang kini menjadi antara penyumbang terbesar ekonomi negara.

“Johor terus menunjukkan prestasi pelaburan yang membarangsangkan dengan anggaran nilai pelaburan yang berpotensi melebihi RM100 bilion, perkembangan yang disifatkan sebagai rekod baharu untuk negeri itu.

“Pencapaian ini membuktikan keyakinan pelabur asing dan tempatan terhadap kestabilan ekonomi negara serta hala tuju pembangunan yang lebih tersusun di bawah Kerajaan Madani,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyempurnaan dan Pengoperasian Landasan Berkembar Elektrik (LKE) Gemas-Johor Bahru di Stesen KTMB Kempas Baru, di sini semalam.

Berangkat menyempurnakan majlis ialah Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail Sultan Ibrahim.



TUNKU Mahkota Ismail Sultan Ibrahim berkenan memasukkan replika kunci sebagai simbolik pelancaran Majlis Penyempurnaan dan Pengoperasian Landasan Berkembar Elektrik (LKE) Gemas-Johor Bahru di Stesen KTMB Kempas Baru, Johor Bahru, semalam. Turut hadir Anwar Ibrahim. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

Dalam pada itu, Anwar turut menekankan kepentingan rangkaian pengangkutan moden termasuk projek pengangkutan elektrik baharu yang bakal menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi setempat.

Katanya, pembangunan infrastruktur itu bukan sekadar projek rel, tetapi turut memabitkan perancangan bersepadu merangkumi pusat ekonomi, kawasan komersial, gerai makanan, perumahan dan pelbagai kemudahan rakyat di kawasan sekitar stesen.

“Setiap stesen baharu akan dibangunkan secara strategik bagi mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu sekali gus merancakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan untuk penduduk setempat.

“Model pembangunan berasaskan pengangkutan Pembangunan Berorientasi Transit (TOD) itu akan menjadi antara tunjang utama pembaharuan

ekonomi negara dalam tempoh beberapa tahun akan datang katanya.

Menurutnya, pengoperasian LKE Gemas-Johor Bahru akan menjadi pemangkin utama dalam mengukuhkan Zon Ekonomi Johor-Singapura serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri itu dan negara secara keseluruhan.

“Hubungan erat serta kerjasama baik dengan Singapura membolehkan kedua-dua negara memanfaatkan rangkaian pengangkutan moden ini untuk mencetuskan aktiviti ekonomi baharu di wilayah selatan.

“Hasilnya, Johor bakal menerima limpahan pelaburan besar terutama dalam sektor teknologi, logistik, pembuatan pintar dan tenaga baharu.

“Pendekatan Ekonomi Madani menuntut pembangunan yang bukan hanya besar dan gah, tetapi memastikan manfaatnya sampai kepada rakyat di semua peringkat,” katanya.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, penyempurnaan projek ini menandakan satu detik penting dalam pembangunan rel negara.

“Majlis hari ini bukan sahaja melambangkan siapnya projek tersebut, tetapi juga mewakili satu pencapaian besar yang mencerminkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam untuk rakyat.

“Usaha ini bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat Johor, malah turut menyumbang kepada hala tuju pembangunan negara secara keseluruhan,” katanya.

Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru adalah sepanjang 192 kilometer dan KTMB memperkenalkan empat perkhidmatan ETS harian antara KL Sentral dan JB Sentral.

KTMB juga melancarkan promosi diskaun khas 30 peratus untuk tiket bagi laluan KL Sentral-JB Sentral-KL Sentral.